

<p style="text-align: center;">Topirik</p> <p style="text-align: center;">Tinangon di Nulinas Kg. Tingkalanun, 1985</p> <p style="text-align: center;">Tinulis di Jalian</p>	<p style="text-align: center;">Topirik</p> <p style="text-align: center;">Diceritakan oleh Nulinas Kg. Tingkalanun, 1985</p> <p style="text-align: center;">Terjemahan Melayu: Rosnah Nain 2014</p>	<p style="text-align: center;">Topirik</p> <p style="text-align: center;">Told by Nulinas Tingkalanun Village 1985</p> <p style="text-align: center;">English: James Johansson 2020</p>
<p>Waro no ka ka ilo kabarsan, waro ot sangod ka ka. Songo-songo pomogunan nga waro sangod. Adi, siri no ot rikoton-rikoton di Topirik, tu i Topirik nopo diri, nga iri no ot lalakow ka. (Ong boros do Momogun, lalakow nopo dino nga ino-not okuat, osiow). Om ongoy nōono i Topirik diri kabarsan, mongoy dot manangod bo, nokuro ong asawat i tongo kayu nga, loguyan-i.</p> <p>Aji, minongoy nōono it sangod diri siri, dot it siri diri kabarsan waro ot minogondi, sid pomogunan di Topirik. Dot it gama nopo dot mogondi diri kabarsan, waro ot tampaw dot minaan waalo. Adi, poongoreetan nopo dit mogondi diri nga “momuriyas”. Ii nopot bobolihan diri nga sumoribaw sid soribaw dit tampaw, soriid soribaw dit taap.</p> <p>Aji, korikot nōono it sangod siri, om kokito it tongondu diri sid soribaw dit tampaw nga, insan-insan dit sangod loguyo rumikot siri. Nga, nela'an po dit tulun dit sid suwang dit walay diri om ii-po koyuwan dit tongondu ot miwiliw, tu notibas no it liow. Na, iri nobo dīiri, sumuli nōono i Topirik diri, kokikiro dit napatay it bobolihan siri, sid suwang dit pomogunan yo. Adi, mamanaw nōono i Topirik diri dot sumuli dit sangod sid suuway-ko pomogunan nōono.</p>	<p>Pada zaman dahulu, tersebutlah kisah tentang pengayau. Mana-mana kampung pun ada pengayau. Jadi, di situlah Topirik selalu pergi sebab Topirik itu adalah seorang pahlawan yang gagah perkasa. (Kalau dalam bahasa Dusun, pahlawan itu adalah orang yang kuat, berani). Apabila Topirik pergi mengayau, maka setinggi mana pun pokok kayu, dilompatinya sahaja.</p> <p>Lalu, pergilah pengayau itu ke kampung Topirik, dan kebetulan ketika itu ada upacara penyembuhan. Cara-cara melakukan upacara penyembuhan itu ialah, ada sebuah mazbah yang disediakan. Upacara penyembuhan itu dinamakan sebagai “kenduri”. Bomoh yang menjalankan upacara penyembuhan itu akan naik ke atas mazbah itu, yang dibina di sebalik atap.</p> <p>Ketika pengayau itu sampai di situ dan melihat perempuan itu berada di atas mazbah, maka dengan sekali lompatan sahaja pengayau itu sudah sampai di situ, dan bila diketahui sahaja oleh orang ramai, maka tinggal tubuh perempuan itu sahaja yang terbaring di situ, sebab lehernya sudah dipotong. Jadi, itulah sebabnya Topirik kiranya mahu membalas dendam atas kematian bomoh di kampungnya. Oleh itu, Topirik akan pergi untuk membalas dendam kepada pengayau di</p>	<p>Once upon a time, there were headhunters. In any given village there were headhunters. So Topirik would go to all those places because he was a champion warrior. (In our language that term means strong and brave.) So Topirik went to a village, visiting, headhunting. Even if the trees were tall he would jump over them.</p> <p>A headhunter then came to Topirik’s village. There was a witchdoctor in the middle of a healing ceremony. The way that it was done supposedly was that they built a platform. That particular ceremony was called “feasting”. The witchdoctor would go up on that platform, which stuck above the roof.</p> <p>So some headhunters arrived there, and seeing the woman on top of the platform, the headhunter straightaway jumped up there. But the first thing the people inside the house knew about it was that just the body of the witchdoctor was laying there, because she had been beheaded. So Topirik wanted to take revenge for the killing of the witchdoctor in his own village. So Topirik set off to revenge the headhunter in</p>

<p>Na, pamanaw nopo kabarasan i Topirik diri nga, warot kadaat yo. Iri no ot kadaat di Topirik, nakalaga sid tanga dit ralan, nokokito no dot tangaw, dot amu nakalabpay dit ralan. Na, pagka tu i Topirik nopo dino nga minongolutu dot tongo wagas om lonjong, na minogom po bo dīino siri iri, om minangasak po siri tu mongindad dot kalabpay it tangaw sid ralan; kotupak dit ralan it tuntu, tubus, it bonduk bo.</p> <p>Aji, onom tadlaw mongindad sirid tanga dit ralan, koturu, baru nogi om nakalabpay it tangaw, nokotupak dit ralan. Na linumombus nobo dīino iri mamanaaw keembagu.</p> <p>Adi, amu po nokopiintanga dit ralan kabarasan keembagu om, waro no nokito dot tombolog, it montis. Ba iri nga kadaat-i beeri. Dot it tombolog diri kabarasan, miniturumpos-i lumapay sid tulu yo, om miniturumpos-i sumuwang do luwang do kayu. Aji, kosuwang it tombolog siri, na iri nga nindadan po dīiri di Topirik dot kosoliwan mantad sid luwang dit kayu, amu po linumombus mamanaw. Onom tadlaw, sed koturu om nakalabus nogi it montis. Na, nakalabus po it montis diri om, baru nogi om linumombus i Topirik mamanaw rumikot sid walay dit sangod.</p> <p>Na, korikot i Topirik sid sosondoton, minogom po dīino i Topirik diri; minonginggat, minonigup po sid koosondoton. Aji, kadung-ko minamanaw kokikiro i Topirik dot rumikot sid walay dit sangod, turus linumaguy.</p>	<p>kampung yang lain pula.</p> <p>Nah, ketika Topirik pergi untuk membalas dendam, dia mendapat satu alamat. Alamat yang Topirik dapat ialah, sebaik sahaja dia berada di tengah jalan, dia mendapati ada sejenis akar bani yang tidak melepas jalan. Nah, oleh kerana Topirik telah membawa bekalan beras dan periuk, maka duduklah dia di tepi jalan itu dan memasak di situ untuk menunggu pucuk akar bani itu melepasi jalan itu.</p> <p>Enam hari lamanya dia menunggu di situ, dan pada hari yang ketujuh, barulah akar bani itu melepasi jalan itu. Sesudah itu, diapun meneruskan perjalanannya semula.</p> <p>Akan tetapi, belumpun sampai setengah perjalanan, Topirik nampak pula seekor burung raja udang. Burung itu merupakan alamatnya juga. Burung raja udang itu terbang melintasi kepalanya dan terus masuk ke dalam lubang kayu. Jadi, oleh kerana burung raja udang itu telah masuk ke dalam lubang kayu, maka Topirik mesti menunggu sehingga burung itu keluar dari lubang kayu itu, dia belum lagi meneruskan perjalanannya. Enam hari kemudian, iaitu pada hari yang ketujuh, barulah burung raja udang itu keluar dari lubang kayu itu. Sesudah burung raja udang itu keluar, barulah Topirik meneruskan perjalanannya menuju ke rumah pengayau.</p> <p>Nah, ketika Topirik tiba di tepian, duduklah dia di situ; dia makan sirih pinang dan merokok di tepian itu. Jadi, apabila Topirik meneruskan perjalanannya semula untuk pergi ke rumah pengayau, dia terus melompat. Dari sungai dia</p>	<p>another village.</p> <p>Topirik began his journey but there was a bad omen. The bad omen that Topirik encountered was that while in the middle of his journey he saw a vine which only partially crossed the path. Since Topirik had brought along rice and a pot, he sat down there and cooked there while waiting for the vine to grow across the path, that is, the tip, top leaves and the shoot.</p> <p>So he waited six days there on the way. Only on the seventh day did the vine completely grow across the path. So then he continued his journey.</p> <p>He had not reached the halfway point, and he saw a kingfisher bird. That is also a bad omen. The bird flew over his head and straightaway went into a hole in a tree. So when the bird had gone in there, Topirik waited for the bird to come out of the hole in the tree and did not yet continue his journey. Six days, and on the seventh the bird came out. When it had come out, only then did Topirik continue his journey to reach the house of the headhunters.</p> <p>Then Topirik arrived at the edge of a stream and sat down. He chewed betelnut and smoked at the edge of the stream. When Topirik set off again planning to come to the headhunter's house, he jumped.</p>
--	---	---

<p>Montod sid weeg om laguy, miniturumpos-i sid suwang nōono iri nga nokosuwang dot bubu i Topirik. Na, otomon nobo it sangod diri tu nokosuwang no i Topirik sid bubu doalo.</p> <p>Na, ka dit tongo sangod, “Bianoy no, sera po taa poginuman, bianoy no,” ka. “I Topirik no ot lalakow no babanar,” ka, “ologod do lumaguy,” ka dit tongo sangod siri, it suwang dit walay siri. Nga, ii nopot bubu diri nga tawur ot naan wiiso om pinomolit nopo nga saring. It garaw diri nga saring-i. “Na, poginuman tokow,” ka dit tulun siri. “Patayon nogi i Topirik dino nga monginomol po,” ka. “Ay oō, patayon om patayon,” ka iso om duwo. “Ay, oō,” ka di Topirik, “maan oku nogi dikoo patayo nga, monginomol kopow om pirunsayan oku po dikoo tu tantad ku dot maan oku dikoo patayo,” ka. “Iti po gisom ku,” ka di Topirik, “moginantadan oku,” ka. “Aji, tantad ku dot matay, runsayan oku po dikoo dot turu ot tadlaw om turu ot sodoy,” ka. Aji, korongow nopo dit tongo woyoon siri nga insan-insan nobo diiri iri monginomol.</p> <p>Onom tadlaw it kinomol najadi no, koturu nosiit no it kinomol. “Pagka najadi netit kinomol tokow,” ka dit Woyoon, “patayon tokow nōono i Topirik, nga moginum tokow po,” ka.</p> <p>Aji nopumpung nōono; ogumu nōono bo it tulun siri, ramay-ramay nōono tu otomon dit mamatay di Topirik. Na, i Topirik nopo diri nga niwiliw nōono sid</p>	<p>melompat terus ke dalam rumah pengayau dan terus masuk ke dalam bubu. Hal itu menyebabkan para pengayau itu senang hati, sebab Topirik sudah termasuk ke dalam bubu mereka.</p> <p>Maka, kata para pengayau, “Ini kalilah, bila lagi kita mengadakan majlis, kali inilah,” kata mereka, “Topiriklah pahlawan yang sangat gagah, orang yang kuat melompat,” kata para pengayau dalam rumah itu. Bubu itu diperbuat daripada buluh betung dan diikat dengan tembaga gelung. Injapnya juga diperbuat daripada tembaga gelung. “Kita raikan,” kata orang-orang di sana, “memang Topirik akan dibunuh, tapi kita buat tapai dulu,” kata mereka. “Yalah, bunuh terus saja,” kata yang lain. “Baiklah,” kata Topirik, “memang kamu akan membunuh saya, tapi kamu buat tapai dulu, dan kamu menyanyi dulu untuk saya sebelum kamu membunuh saya. Inilah pengakhiran hidup saya. Saya harus bersuka-suka dulu,” kata Topirik. “Jadi, sebelum saya mati, kamu harus menyanyi untuk saya selama tujuh hari dan tujuh malam,” sambungnya. Sebaik saja para ketua mendengar akan hal itu, segeralah mereka membuat tapai.</p> <p>Enam hari kemudian, maka siaplah tapai itu dan pada hari yang ketujuh dapatlah mereka mengambil airnya. “Oleh kerana, tapai kita sudah siap, maka tibalah masanya kita membunuh Topirik, tapi kita minum dulu,” kata Ketua.</p> <p>Jadi, apabila semuanya sudah berkumpul, sudah ramai orang, maka berpesta lah mereka kerana mereka begitu gembira mahu membunuh Topirik. Nah, berkenaan</p>	<p>From the water’s edge he jumped and landed inside the house, but he landed inside a cylindrical fish trap. So the headhunters were happy because Topirik had gone into their fishtrap.</p> <p>The headhunters in that longhouse said, “This time, how could we not have a celebration feast. Topirik is a real champion, jumping very far.” The fishtrap was made of giant bamboo bound with brass rings. “Let’s hold a celebration feast,” said the people there. “We will kill Topirik but let’s make rice wine first.” “Yes, we will kill him,” one or two said. “Yes,” said Topirik, “you will kill me, but you make rice wine first, and you must do antiphonal singing with me before you kill me. This is my end. I should have fun first. So before I am killed, do antiphonal singing with me seven days and seven nights.” Having heard that all the leaders straightaway began making rice wine.</p> <p>After six days the rice wine was ready, and on the seventh they could drink it. “Since this rice wine is ready,” said the leader, “we will kill Topirik. But let’s drink first.”</p> <p>So they were all gathered; lots of people were there. It was a big party because they were happy that they would kill Topirik. They had laid Topirik</p>
---	--	--

tatanga. Aji, ii nopot tulun nôono diri dit mirunsay, minintuutuk-i sid pinowili'an di Topirik. Aji, mirunsay nôono.

Ka dit runsay dit sangod dit mirunsay nôono dit sodoy diri, "Anduu ... u," ka dit tulun siri, "Topirik oy Topirik," ka, "it nunu kopiantad?" ka dit tulun siri ka. Simbar nopo i Topirik kabarsan, "Anduu... maman," ka di Topirik ka, "kadaay no timboroso, inturu rondowiay," ka di Topirik ka. Dot i Topirik nopo diri nga kuoyon po ka nôono iri momoros ong kono-ko mongoduat it sangod ong nunu ot kada'at dit minamanaw. Nga komoyoon nopo dit runsay di Topirik diri nga, "Aso boroson duyu tu inturu keenturu ot kada'at ku kaawasi," ka.

Aji, onom tadlaw, koturu po om sam-ko naan olumo it tulun tu insan-insan nokoodop. Kiawi nga nokoodop. Korikot it minsasarap, iso pot taatanak ka dot okodook po, warot umur dot opod toon iri kagagayaan, muukuyut dot kondungan, mooponiw do tobu. Iso peeri noposik. Ka di Topirik, "Siti'o peenot kondungan nu, pooloso oku po," ka. Naa, pataako no dit tanak it kondungan diri. Kadung nakataak iri, turus kogkoro di Topirik it bolit, it saring dit pinomolit dit bubu diri. Iso no nokotob, om wiraso di Topirik nga turus nakalabus yalo.

dengan Topirik pula, mereka telah meletakkannya di tengah-tengah. Jadi, orang-orang yang menyanyi pula, mereka telah mengelilingi tempat Topirik diletakkan. Sesudah itu, menyanyilah mereka.


Lagu mereka berbunyi begini, "Wahai..." kata orang di sana, "Topirik wahai Topirik, bagaimana perjalananmu?" tanya mereka. "Wahai pakcik," jawab Topirik, "tidak usah ditanya, sebab tujuh kali ganda keperkasaannya," jawab Topirik. Padahal Topirik itu, memang sudah tidak berdaya lagi berkata-kata, tapi disebabkan bahawa para pengayau itu bertanya apa alamatnya dalam perjalanan. Tapi maksud lagu Topirik ialah, "Tiada apa yang harus kamu katakan sebab tujuh kali baiknya alamat saya," jawab Topirik.

Selepas enam hari berlalu, dan tiba pada hari yang ketujuh, orang-orang di sana bagai dipipihkan kerana semuanya telah tertidur. Ketika tiba pada keesokan harinya, tinggal seorang sahaja lagi kanak-kanak yang tidak tertidur. Dia berumur lebih kurang sepuluh tahun, sedang memegang parang godok, dan sedang mengupas tebu. Hanya dia sahaja yang masih berjaga. Lalu, kata Topirik kepada kanak-kanak itu, "Pinjamkan saya parang godok mu itu," kata Topirik. Kanak-kanak itupun memberikan parang godok itu kepada Topirik. Sebaik sahaja parang godok itu berada di tangan Topirik, Topirik terus memotong pengikat itu, iaitu tembaga gelang yang digunakan untuk mengikat bubu. Apabila satu daripada pengikat bubu itu terpotong, Topirik pun menyelak bubu itu sehingga dia

there in the middle of them. So the people who sang surrounded where Topirik was laid. So they began singing.

The song that the headhunters sang that night said, "Oh my, Topirik oh Topirik, how was your journey?" Topirik answered, "Oh my, uncles, no need to ask, it was seven times bravery." As for Topirik, how could he answer if the headhunters did not ask what bad omens he met on the journey. The meaning of Topirik cryptic song was, "You shouldn't say anything because my omens were seven times better."

So, six days and then the seventh, it was as if something had flattened the people on the floor because they all at once fell asleep. All of them. When morning came, one child of ten years old was awake, holding a machete peeling sugarcane. Only he was awake. Topirik said, "Bring that machete here, I want to borrow it." The child gave him the machete. When it had been given, he cut the bindings, and the rings on the fish shoot. When one was cut, Topirik got free.

<p>Jadi, ontok nopo dit tatanak di minana'ak doo dit kondungan diri om amu-i naan patayo, tu minanalamat doo gima. Aji, om kosoliwan nôono i Topirik diri nga, iiso om totokon i liow, iiso om totokon i liow, naawi; notuus dot napatay it tulun siri. Ombee gigisom di Topirik dot manganu dit tulu, nowit muli, naan boboo kabarasan. Naan pooliwito ka bo, nowit muli. Nioluwit ka. Adi, iri no, naan owito muli it tongo tulu om it tatanak dit minanaak doo dot kondungan nga naan-i owito muli. Amu-i iri diri naan patayo. Naa, sino no gisom, ino-no gisom dino, aso no, nopupusan no.</p>	<p>terlepas.</p> <p>Nah, berkenaan dengan kanak-kanak yang memberikan parang godok itu, Topirik tidak membunuhnya, sebab kanak-kanak itu telah menyelamatkannya. Sebaik sahaja Topirik bebas, dipotongnya satu demi satu leher orang-orang yang sedang tidur itu sehingga habis terbunuh semuanya. Kemudian, sekadar mana yang termampu oleh Topirik, maka kepala-kepala yang dipotongnya itu dibawanya pulang, dengan cara dia mencucuk kepala itu satu persatu dan membawanya di bahu (menyandangnya). Jadi, begitulah dia membawa pulang semua kepala-kepala itu dan juga kanak-kanak yang memberinya parang godok. Kanak-kanak itu tidak juga dibunuhnya. Sampai di sini saja cerita dongeng ini. Tamat.</p>	<p>As for the child who gave the machete to him, he didn't kill him, since he saved him. So then when Topirik got out he went and sliced the throats of them one by one till they were all finished off. He took as many heads as he could manage and brought them home, carrying them on his back. He threaded a rope thru them and brought them home. So then he brought some heads home, and the child who gave the machete to him he brought home with him. He didn't kill him. That then is the end of the story. The end.</p>
<p>General Editor / <i>Penyunting Umum</i>: James Johansson</p>		
<p>Kimaragang Editor / <i>Penyunting Bahasa Kimaragang</i>: Rosnah Nain</p>		
<p> Creative Commons Attribution 4.0: Kimaragang.net 2020</p>		
<p>Rujuk: 049 / Refer to 049</p>		